

08/05/1997

Pembangkok usah bertanding

Razali Zakaria

PERKARA penting yang mesti diambil kira oleh parti pembangkang selepas membuat keputusan bertanding dalam pilihan raya kecil kawasan Parlimen Kuala Selangor (P89) dan Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Permatang (N10) ialah penduduk Kuala Selangor. Pasti mereka akan memberi sokongan 100 peratus kepada kedua-dua calon BN, Datuk Abu Hassan Omar (N10) dan Datuk Jamaluddin Adnan (P89).

Ini kerana kini adalah peluang terbaik bagi penduduk kawasan Parlimen Kuala Selangor untuk menyaksikan anak watan mereka duduk di kerusi eksekutif tertinggi peringkat negeri, jawatan Menteri Besar Selangor, seperti yang dijanjikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang selama ini disanjung kerana banyak membawa perubahan, memberi kepercayaan kepada Abu Hassan dan beliau dipilih kerana bersih dan jujur serta berpengalaman, selain ahli politik paling kanan. Lantaran itu, adalah sukar malah tidak mungkin penduduk tempatan itu sendiri menolaknya.

Begitu juga dengan Sultan Selangor yang turut gembira di atas keputusan Perdana Menteri memilih Abu Hassan sebagai bakal Menteri Besarnya yang keenam, lalu memberi perkenan.

Apa yang menariknya, calon BN itu diakui sendiri oleh mursyid Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat ketika mengulas keputusan Perdana Menteri memilih Abu Hassan sebagai bakal Menteri Besar Selangor.

Mursyid Pas itu secara terbuka mengakui mengenali Abu Hassan secara peribadi. Beliau menganggap Abu Hassan seorang yang bersih dan tidak rasuah selain berkeperibadian yang tinggi.

Bagi menduduki kerusi Menteri Besar, Abu Hassan akan bertanding di DUN Permatang menggantikan tempat yang dikosongkan oleh Jamaluddin, manakala Jamaluddin bertarung di Parlimen Kuala Selangor, tempat yang dikosongkan Abu Hassan.

Selain itu ketandusan isu juga sepatutnya difikirkan oleh Pas yang akan bertanding di DUN Permatang dan Parlimen Kuala Selangor. Jika ada pun, mereka hanya menggunakan kes bekas Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, untuk mencerca kepimpinan BN.

Selebihnya, hanya isu lama yang berhubung kait dengan pembangunan fizikal dan dianggap basi. Sedangkan mereka tahu banyak projek pembangunan besar rancak dijalankan di kawasan itu.

Tidak keterlaluan kita katakan Pas sebenarnya sudah menyedari mereka akan tewas di kedua-dua pilihan raya kecil itu. Namun keangkuhan untuk menentang calon yang bakal menjadi Menteri Besar Selangor, mereka tetap mahu bertanding walaupun sedar akan kehilangan deposit.

Pembangkang tahu, media massa dan penduduk Malaysia kini memberi tumpuan kepada Abu Hassan kerana beliau akan dilantik sebagai Menteri Besar Selangor dengan `bersyarat' iaitu mesti menang pilihan raya kecil DUN Permatang.

Kesempatan tumpuan orang ramai itu, diambil oleh Pas sebagai satu senjata publisiti mereka. Mereka berpendapat sudah menjadi resam media massa akan menyiarkan siapa lawan siapa dan ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada pengundi.

Perlu diingat bahawa pada pilihan raya umum 1995 lalu, BN menang besar di Selangor. Banyak calon Pas, Semangat 46 (S46), Bebas, PSRM dan DAP kalah teruk hingga kini pembangkang dalam DUN tinggal dua tiga orang kuat DAP saja.

Bagi Parlimen Kuala Selangor yang mempunyai 49,730 pengundi, calon BN, Abu Hassan menang besar dengan majoriti 23,460 undi. Beliau memperolehi 28,287 undi manakala lawannya dari S46 hanya memperolehi 4,827 undi saja.

Di DUN Permatang yang mempunyai 18,543 pengundi, calon BN, Jamaluddin mengekalkan kerusinya dengan majoriti 7,276 undi mengalahkan calon Pas yang hanya memperolehi 2,601 undi.

Calon Pas pada masa itu mungkin mendapat undi sokongan daripada S46 kerana mereka bersekutu. Tetapi, kini apabila S46 sudah dibubarkan dan ahlinya merujuk semula kepada Umno, DUN Permatang bukan lagi tempat bagi Pas untuk menunjukkan belang, apa lagi berhadapan dengan bakal Menteri Besar yang sememang orang yang mempunyai pengalaman luas dalam politik dan mentadbir.

Walaupun sudah menyatakan akan bertanding, Badan Perhubungan Pas Selangor masih ada masa memikirkannya semula. Dalam hal ini, menarik diri lebih awal, tidak dianggap penakut, sebaliknya mereka perlu menyedari bahawa hanya BN yang mampu mewakili, membangun, memaju dan memimpin negara ini.

Jika tidak pun kerana ketandusan isu, ingatlah pengakuan mursyid yang dipanggil Tok Guru itu.

Selebihnya, mereka perlu menyedari bahawa BN yakin memenangi kedua-dua kerusi itu dan akan meletakkan Abu Hassan sebagai Menteri Besar Selangor. Sekali gus akan menjadi kebanggaan pengundi kawasan berkenaan.

Sebenarnya, pengundi di kawasan ini sedar bahawa pembangunan sedang dalam proses pelaksanaan dan tidak lama lagi pelbagai projek besar akan diadakan di situ seperti Lebuhraya Klang-Sabak Bernam, pusat pelancongan dan industri.

Penduduk kawasan itu juga perlu berhati-hati dan menangkis setiap serangan pembangkang yang diyakini akan menggunakan isu Muhammad Muhd Taib membawa wang RM2.4 juta di Australia, sebagai jalan terakhir untuk menyerang pemimpin BN.

Bagi penduduk, khususnya pengundi di Kuala Selangor, mereka perlu ingat inilah masanya untuk melantik anak tempatan menjadi Menteri Besar, sekali gus akan memberi manfaat kepada mereka, negeri dan negara.

(END)